

Mujarabakah pil genius?

Pelbagai pendapat yang dizahirkan oleh beberapa pakar mengenai isu ini



"Tapi kalau kata makan pil minda jadi cerdik, sebenarnya tak macam tu, ia hanya membantu ke arah kecerdikan itu." - Dr. Jamnul Azhar Mulkan



"Saya lihat, ramai ibu bapa cari jalan mudah mahu anak pandai, soleh tetapi enggan berusaha didik, asuh dan ajar anak sendiri, sebaliknya hanya berharap pil untuk selesaikan masalah tingkah laku anak mereka yang tidak disenangi." - Letnan Kolonel Dr Rusyainie Ramli

BARAT spora berkembang biak melata. Perumpamaan itu sesuai menggambarkan senario lambakan variasi produk yang didakwa berupaya menyuntik kecerdikan dalam kalangan pengguna di Malaysia mahupun di beberapa negara luar.

Bagi menarik perhatian ramai, 'makanan otak' ini telah dilabelkan dengan pelbagai jenis nama penuh komersial. Ada yang memberi jolokan sebagai pil minda, pil genius, pil pintar dan pelbagai lagi nama unik.

Walaupun nampak seperti tidak masuk akal dengan kenyataan yang dicanangkan pengiklan bahawa pil itu mampu membuatkan golongan sasaran terutama kanak-kanak menjadi pintar, ironinya, ramai ibu bapa teruja.

Apa yang penulis katakan bukan sandiwara. Buktiannya, lihat sahaja penangan seorang blogger, model dan pelakon (mempunyai lebih 4 juta pengikut).

Bellau memuat naik pil genius di samping anaknya. Status itu mendapat puluhan ribu like. Beratus-ratus lontaran pertanyaan memenuhi ruangan komentarnya. Soalan yang popular: "Di mana saya boleh beli produk ini?"

Persoalannya, memang betul-betul menjadi geniuskah? Inilah jalan singkat menjadi pandai?

SihatAktif mewawancara seorang ibu, Mazuin Ishak, 39, yang mengakui terdapat perubahan besar kepada anaknya selepas diberi sejenis produk minda.

Kata bekas jururawat ini, jika sebelum ini, anak-anaknya yang berusia 10, 8 dan 6 tahun tidak cergas, namun, selepas seminggu memberikan produk berkenaan, sudah nampak perubahan.

"Sebelum ini, mereka selalu letih dan lesu apabila pergi atau pulang dari sekolah tapi selepas makan pil ini, mereka nampak bertenaga.

"Hendak kejutkan mereka waktu pagi lebih mudah. Bila balik dari sekolah, tiada masalah untuk mereka menyiapkan kerja-kerja sekolah, bantu kerja rumah dan sebagainya," kongsi ibu kepada lima cahaya mata yang berasal dari Ipoh, Perak ini.

Mazuin menegaskan, beliau percaya produk dimakan anaknya itu mampu membantu membekalkan tenaga.

Katanya lagi, dengan tenaga itulah otak berfungsi dengan baik.

"Produk minda berbentuk serbuk ini bukanlah ubat tetapi makanan tambahan. Jika letih, bagaimana otak kita hendak bekerja dengan baik.

"Apabila ada tenaga, boleh belajar dengan baik, tentulah mampu jadi pandai. Bagi saya ia membantu kedua-duanya, beri tenaga dan jadi bijak. Alhamdulillah, keputusan peperiksaan anak saya yang lalu juga baik," katanya.

Sekilas bicara, nampaknya apa diperitakan wanita bukan omong kosong. Namun apa pula kata pakar perubatan?

Makanan tambahan

SihatAktif mendapatkan pandangan doktor perubatan dari Klinik Dr Jamnul Azhar, Dr Jamnul Azhar Mulkan.

Dr Jamnul menjelaskan, secara saintifiknya, makanan minda tidak memberi maksud secara langsung boleh mencerdaskan tetapi lebih kepada memperbetulkan fungsi badan.

Ujar beliau, kelazimannya, pil-pil minda mengandungi bahan-bahan yang mengaktifkan beberapa neurotransmitter di dalam otak manusia.

"Penggunaan pil secara moden ini lebih kepada makanan tambahan. Kita perlu faham sifat atau tabiat vitamin. Vitamin ini adalah 'benda' yang tidak sintesis, tak boleh dibina dan diwujudkan dalam badan.

"Kalau kita ambil pun, ia tak kekal dalam badan. Itu perlunya vitamin ini. Amalan mengambil pil vitamin ini dapat mengekalkan komposisi kandungan-kandungan berkhasiat yang dipertukan oleh otak. Contohnya, buah-buahan sitrus mengandungi vitamin C baik untuk peredaran oksigen ke otak. Secara tidak langsung oksigen ini tersebar begitu banyak terutama ke otak, di mana ia amat diperlukan untuk berfungsi," katanya.

Menyambung hujahnya, pakar ini menerangkan, pelbagai vitamin dengan fungsinya tersendiri perlu untuk menangani penyakit-penyakit tertentu.

Namun, apabila ia tiada dalam badan, di sinilah vitamin mengambil peranan. Pun demikian, beliau berkata, apa-apa pun, anak-anak masih memerlukan pemakanan seimbang seperti cukup karbohidrat, protein, buah dan sayur.

"Tapi kalau kata makan pil minda jadi cerdik, sebenarnya tak macam tu, ia hanya

membantu ke arah kecerdikan itu. Ada yang kata makan pil minda ini lebih baik, ya saya setuju.

"Ia lebih kepada bantu aliran darah dan oksigen terutamanya ke otak dan organ-organ penting yang menyebabkan organ ini berfungsi lebih baik dan hasilkan prestasi lebih tinggi pada anak-anak kita," katanya.

Ditanya kaedah dalam memastikan kesahihan fungsi pil tersebut, Dr Jamnul berkata, seseorang boleh mencuba satu atau dua butir pil terlebih dahulu untuk merasai kesannya dan untuk preskripsi yang ditentukan.

Tanpa berselindung, beliau sendiri ada memakan beberapa produk berkaitan dan merasakan perubahan terhadap daya ingatan yang menjadi lebih baik.

Perlu kelulusan?

Adakah produk didakwa pil minda dan sebagainya ini seharusnya berada dalam kumpulan 'makanan' atau 'makanan tambahan/suplemen' yang mesti berdaftar dengan Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah kategori ubat?

Menjawab persoalan itu, Pegawai Perubatan Kanan Pusat Latihan Rekrut Terenter Laut Diraja Malaysia, Letnan Kolonel Dr Rusyainie Ramli berkata,

"Tiada cara untuk pandai dan bijak dengan itu (makan pil). Sebab kita boleh dapat sumber karbohidrat (yang akhirnya gula) daripada makanan seperti nasi, roti, kentang.

"Kenapa mesti mengambil gula tambahan sedangkan kita tahu satu

sekiranya produk minda ini adalah hanya sejenis makanan, bermakna ia tiada kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Produk yang di bawah kategori 'makanan', tak perlukan kelulusan KKM kerana ia bukan di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Pada masa sama (ia bermakna) kerana ia adalah sejenis makanan, pengeluar tak boleh membuat sebarang tuntutan perubahan apa-apa termasuklah mengatakan anak boleh jadi pandai dengan mengambilnya."

Beliau yang juga Ahli Medical Mytribusters Malaysia memberitahu, pada masa ini, terdapat banyak produk didakwa di bawah kategori 'makanan', maka terlepas daripada penguatkuasaan cawangan farmasi.

Berdasarkan rekod, produk makanan yang membuat tuntutan perubahan berada di bawah bidang kuasa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan.


Selain menjawab persoalan itu, Dr Rusyainie turut menjawab pertanyaan mengenai pil-pil genius yang selalunya mempunyai rasa yang sangat manis.

Beliau sama sekali tidak menolok bahawa pil ini mempunyai kandungan gula yang tinggi.

"Ia hanya gula ringkas, bila bagi anak makan, apa yang ibu bapa lakukan hanya menambah gula dalam diet seharian mereka.

"Tiada cara untuk pandai dan bijak dengan itu (makan pil). Sebab kita boleh dapat sumber karbohidrat (yang akhirnya gula) daripada makanan seperti nasi, roti, kentang.

"Kenapa mesti mengambil gula tambahan sedangkan kita tahu satu



Jangan bergantung pada pil, perlu usaha, tawakal



USTAZ FATHULLAH

JIKA diamati, pihak pengeluar pil genius atau minda sering menguar-uarkan kandungan produk mereka mengandungi campuran makanan sunnah.

Tutor Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Fathullah Al Haq Muhammad Asni berkata, jika mereka melabelkan sesuatu produk dengan makanan sunnah, bermakna mereka sudah tidak berlaku jujur dengan pelabelan itu.

"Makanan sunnah ialah makanan yang Nabi makan, asalnya yang tidak diproses lagi. Apabila pil dikatakan makanan sunnah, mereka hanya label makanan sunnah supaya dapat melariskan jualan. Sedangkan kandungannya tak dapat dipastikan," jelasnya.

Menurut Fathullah Al Haq lagi, seharusnya apabila pengeluar mahu membuktikan keberkesanan produk mereka, perlu mendapat pengesahan dari aspek perubatan terlebih dahulu.

"Biasanya penjual hanya buat label makanan sunnah tapi campurannya mungkin ada masalah. Patutnya dapatkan nasihat farmasi, pakar perubatan," katanya.

Memberikan contoh, menurutnya, Nabi Muhammad SAW juga merujuk kepada pakar tentang sesuatu ubatan. Itulah sunnah paling besar.

"Maknanya bila cakup pil untuk cerdik minda dan sebagainya, perlu ada kelulusan pakar sebab kita pun tak tahu apa kandungan khasiatnya.

"Kadang-kadang memang ada makanan sunnah seperti kambing tapi kalau makan banyak juga pun tak bagus juga, mesti ada kadarnya.

Begitu juga makanan manis, kurma, kismis. Bagaimana jika tak terkawal?" katanya.

Kepada ibu bapa, Fathullah Al Haq menasihatkan, agar tidak terlihu obses untuk mahu anak yang pandai dengan hanya mengambil pil tanpa usaha, doa dan bertawakal.

APA KATA MEREKA



"DAHULLU, saya biasa ambil pil ini semasa mahu ambil peperiksaan. Bagus untuk fokus dan tenaga untuk belajar. Saya tahu ambil pil ini bukan untuk pandai tapi lebih pada tenaga untuk kita tumpu pada pelajaran." - Lepas sekolah, Nur Hafzeen Idris, 18



"Bagi saya, pil minda ini hanya vitamin. Jangan bergantung kepadanya. Tiga anak saya berusia 15, 11 dan 6 tahun pun pernah saya beri pil ini tapi tak ada perubahan jadi pandai." - Guru, Jamilah Ani, 46



"Saya tak tahu pula ada pil minda ini dan tak percaya ia boleh buat kita jadi pandai. Pada saya kalau nak pandai, perlu belajar, buat nota, solat hajat. Penting juga minta restu ibu bapa." - Pelajar, Muhammad Fikrie Ikram Mohd Nordin, 19

